



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
National Institute of Public Administration



SURCAJ



KANDUNGAN

- ❖ **DEFINASI SURCAJ**
- ❖ **CIRI-CIRI SURCAJ**
- ❖ **OBJEKTIF SURCAJ**
- ❖ **UNSUR-UNSUR SUCAJ**
- ❖ **UNDANG-UNDANG/PERATURAN**
- ❖ **PROSEDUR PELAKSANAAN**



DEFINASI SURCAJ

“ Expenditure marked by the auditor as unauthorized and to be refunded ”

..... Oxford Dictionary

“ Mendapatkan semula amaun wang awam/ nilai barang awam yang hilang dari orang yang bertanggungjawab terhadap kehilangan tersebut ”



“ Oleh kerana tujuan surcaj adalah untuk membolehkan Kerajaan mendapatkan balik wang yang hilang itu dan bukan sebagai suatu penalti, maka tidak harus disyorkan tindakan surcaj terhadap pegawai berkenaan jika wang yang hilang telah dijelaskan oleh beliau Walaubagaimana pun, ini tidak menjejaskan apa-apa tindakan tatatertib lain yang diambil terhadap beliau ”

..... Peguamcara Perbendaharaan, 26/4/1991



CIRI-CIRI SURCAJ

- ✓ Kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Semakan 1972),
- ✓ Syor oleh Pihak Berkuasa Kewangan,
- ✓ Hutang (***debt due to***) pegawai kepada Kerajaan didapatkan dari samada melalui perintah mahkamah atau arahan Menteri melalui gaji/pencen bulanan,
- ✓ Tindakan dikenakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan / Lembaga Tatatertib.



OBJEKTIF SURCAJ

- ❑ Mendapatkan semula wang awam atau nilai barang awam yang hilang, rugi atau rosak dari pegawai yang terlibat atau bertanggungjawab dengan kehilangan, kerugian atau kerosakan tersebut.
- ❑ Semua pegawai sentiasa mematuhi peraturan mengenai urusan kewangan dan perakaunan Jabatan serta memahami bahawa mereka adalah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan terhadap tugas-tugas yang diamanahkan.



- ❑ **Pengawai Pengawal, Ketua Jabatan dan pegawai yang menyelia di dalam pengurusan kewangan dan akaun Jabatan hendaklah memastikan semua peraturan, tatacara dan proses kerja adalah lengkap, teratur dan kemaskini. Dengan demikian, penyeliaan dapat dijalankan dengan berkesan manakala sebarang masalah dapat dikenalpasti dan diatasi segera.**



UNSUR-UNSUR SURCAJ

2 Aspek Penting

Aspek Substantif

- Peruntukan (Akta), peraturan, tatacara, proses dan tanggungjawab serta pegawai/kakitangan yang hendak diliputi oleh peraturan surcaj

Aspek Prosedur


- Tatacara pengendalian sesuatu kes pelanggaran peraturan yang boleh dikenakan surcaj



UNDANG-UNDANG & PERATURAN

**PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN**

**Bahagian 7
(Perkara 96 – 112)**



**Akta Tatacara
Kewangan 1957**



AP / Pekeliling dll



**Arahan, Garis Panduan
Dalaman, Fail Meja
/Manual Prosedur Kerja,
Senarai Tugas dll.**



AKTA TATACARA KEWANGAN 1957

SEKSYEN 3 : TAFSIRAN

SEKSYEN 4 : T/JAWAB PEG. PERAKAUNAN

SEKSYEN 15A : PEGAWAI PENGAWAL

SEKSYEN 18 : SURCAJ

SEKSYEN 19 : PEMBERITAHUAN SURCAJ


SEKSYEN 20 : PENGGUGURAN SURCAJ

SEKSYEN 21 : MENDAPATKAN SURCAJ



❖ Seksyen 3: Tafsiran

Pegawai Perakaunan



" ...Pegawai Awam yang dipertanggungjawabkan dengan tugas pungutan, penerimaan, perakaunan atau membelanjakan wang awam ... dan yang dipertanggungjawabkan dengan penerimaan, jagaan atau pelupusan atau mengambilkira stor-stor awam "


**Pihak Berkuasa
Kewangan**



" ... pegawai utama yang mengetahui hal-ehwal kewangan"



Wang Awam



" ...semua hasil, pinjaman, amanah dan lain-lain wang dan semua bon, debentur dan lain-lain sekuriti yang dikumpul atau diterima "

Stor Awam



" ...harta dan barang kepunyaan atau dalam milik atau di bawah kawalan Persekutuan atau sebuah negeri"



❖ Seksyen 18: Surcaj

- ✓ Gagal memungut wang yang mesti dibayar kepada Kerajaan Persekutuan/Negeri, yang mana tugas itu adalah tanggungjawab pegawai itu sendiri;
- ✓ Bertanggungjawab ke atas pembayaran wang Kerajaan terhadap bayaran yang tidak sepatutnya atau pembayaran wang awam tidak disahkan dengan sempurna;
- ✓ Bertanggungjawab tentang kekurangan atau kerosakan wang awam, setem, aset dsb;



- ✓ Gagal atau telah gagal untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod dengan sempurna; atau
- ✓ Telah gagal membuat bayaran, atau bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan dalam pembayaran wang awam kepada mana-mana orang di mana pembayaran tersebut adalah termaktub di bawah mana-mana undang-undang, kontrak atau perjanjian yang telah dibuat di antara seseorang itu dengan Kerajaan Persekutuan/Negeri.



❖ **Seksyen 19: Pemberitahuan Surcaj**

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan memaklumkan kepada Ketua Jabatan yang mana kemudiannya bertanggungjawab memberitahu orang yang akan disurcaj akan tindakan surcaj yang dibuat ke atasnya di bawah Seksyen 18 .

❖ **Seksyen 20: Penarikan Balik Surcaj**

Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj sekiranya berpuashati dengan penjelasan yang diterima atau mendapati tindakan surcaj tidak seharusnya dibuat .



❖ Seksyen 21: Mendapat Kembali Surcaj

- Amaun surcaj yang dibuat di bawah Seksyen 18 dan tidak ditarikh balik di bawah Sekyen 20 adalah menjadi hutang yang perlu dibayar kepada Kerajaan.
- Amaun surcaj boleh didapatkan kembali melalui perintah mahkamah atau secara potongan gaji/pencen jika diarahkan oleh Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri.
- Amaun ansuran bulanan hendaklah tidak melebihi $\frac{1}{4}$ daripada gaji/pencen orang yagn disurcaj.



PROSEDUR PELAKSANAAN

- ❑ Tanggungjawab Ketua Jabatan melaporkan kepada Pegawai Pengawal melaporkan akan apa-apa kejadian yang boleh dikenakan surcaj di bawah Seksyen 18.
- ❑ Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk melaporkan secara bertulis (ulasan dan syor) kepada Suruhanjaya Perkhidmatan (Lembaga Tatatertib yang berkenaan) dan Pihak Berkuasa Kewangan (Perbendaharaan).



- ❑ Pihak Berkuasa Kewangan (Perbendaharaan) sekiranya berpuashati boleh memperakukan tindakan surcaj diambil ke atas mana-mana pegawai yang bertanggungjawab.
- ❑ Prosedur tindakan surcaj umumnya terbahagi kepada dua (2) iaitu prosedur di bawah:
 - Akta Acara Kewangan 1957
 - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993



- ❑ Sama seperti tindakan tatatertib, pegawai yang dikenakan surcaj boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Rayuan Tataertib iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- ❑ Keputusan surcaj hendaklah direkodkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan pegawai dan keputusan surcaj itu juga hendaklah diberitahu kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan.



- Surcaj boleh dikenakan dalam bentuk wang tunai
 - Bagi kesalahan di bawah Seksyen 18(a), (b) dan (c), amaun surcaj yang dikenakan tidak boleh melebihi daripada amaun yang hilang;
 - Bagi kesalahan di bawah Seksyen 18(d) dan (e), amaun surcaj adalah terpulang kepada budibicara Lembaga Tatatertib.



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
National Institute of Public Administration



Sekian, Terima Kasih